



## **SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 03/2023 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan mengenai pengemaskinian sukat-sukat langkah pengawalan COVID-19 seperti berikut:

### **1. NASIHAT PENGASINGAN DIRI**

- 1.1 Pegawai dan kakitangan yang disahkan positif ujian *Antigen Rapid Test* (ART) COVID-19 adalah **digalakkan** untuk memuatnaik keputusan ART ke aplikasi *BruHealth*.
- 1.2 Pegawai dan kakitangan yang telah disahkan positif dan mempunyai kod *BruHealth* berwarna ungu adalah seterusnya **dinasihatkan** untuk menjalani pengasingan diri dalam tempoh tiga (3) ke lima (5) hari sahaja. Sesiapa yang memilih untuk membuat pengasingan diri boleh menamatkan pengasingan diri selepas hari kelima atau pada bila-bila masa menjadi negatif selepas hari ketiga. Tempoh pengasingan diri berkenaan tidak akan ditolak dari hak kelayakan Cuti Tahunan.

### **2. HAL EHWAL PENTADBIRAN**

- 2.1 Pegawai dan kakitangan adalah dikehendaki untuk menghadapkan tangkapan skrin (*screenshot*) Nasihat Pengasingan Diri serta kod *BruHealth* berwarna ungu kepada Bahagian/ Unit Pentadbiran masing-masing pada hari pertama menjalani tempoh pengasingan diri tersebut sebagai pemakluman awal.
- 2.2 Pegawai dan kakitangan hendaklah memaklumkan kepada Bahagian/ Unit Pentadbiran masing-masing apabila kembali bertugas dan untuk dikemaskini ke dalam Sistem Sumber Manusia (SSM).
- 2.3 Perancangan pegawai dan kakitangan lain untuk memangku atau menjalankan tugas, jika diperlukan, sepanjang tempoh pegawai dan kakitangan berkenaan menjalani Nasihat Pengasingan Diri hendaklah dilaksanakan dengan segera.





### 3. UMUM

- 3.1. Pegawai dan kakitangan yang masih mempunyai simptom atau merasa kurang sihat setelah tamat tempoh pengasingan diri adalah dinasihatkan untuk mendapatkan Sijil Cuti Sakit.
- 3.2. Warga perkhidmatan awam adalah dikehendaki untuk mematuhi sebarang garis panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19 atau Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa berhubung COVID-19.
- 3.3. Mana-mana warga perkhidmatan awam yang membuat pengisyiharan palsu (*false declaration*), ianya boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak berwajib selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.
4. Dengan ini, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 3/2022 bertarikh 21hb. Ramadhan 1443 bersamaan 23hb. April 2022 adalah dibatalkan.
5. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 23hb. Mei 2023.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

***"Pertahanan Yang Dinamik dan Proaktif Menjamin Keamanan Negara"***

A blue ink signature of Ajman bin Haji Meludin, which is a common name for several officials in Brunei.

[ AJMAN BIN HAJI MELUDIN ]

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan, BA 1000  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (3) JPM/SK/2023  
Tarikh : 3 Zulkaedah 1444  
23 Mei 2023